

Pelepasan air loji nuklear boleh jejas ekosistem marin

BH/06.03/MS 03

Tindakan Jepun perlu diperhalusi, bimbang sisa radioaktif hanyut hingga ke perairan negara

Kuala Terengganu: Tindakan Jepun melepaskan lebih satu juta tan air terawat daripada loji nuklear Fukushima ke dalam laut dikhuatiri menjejaskan khazanah ekosistem marin dunia.

Koordinator projek Ocean Hope, Dr Maizah Abdullah, berkata tindakan itu perlu diperhalusi oleh semua pihak kerana kesan tindakan itu hanya dapat dilihat oleh generasi akan datang.

Maizah yang juga pensyarah di Fakulti Sains dan Sekitaran Marin, Universiti Malaysia Terengganu (INOS UMT) berkata, biarpun pelepasan sisa air itu berlaku di Jepun, namun beliau tidak menolak kemungkinan sisa nuklear itu boleh hanyut hingga ke perairan negara.

"Pergerakan aliran arus lautan tiada hadnya. Ia ditambah pula dengan hidupan marin yang sentiasa berhijrah, jadi apa sahaja haiwan yang terjejas ataupun berisiko dengan sisa radioaktif ini sudah pasti boleh sampai ke perairan kita sekali gus berkemungkinan mencemari rantaian makanan hidupan laut dan menjejaskan kesihatan manusia," katanya kepada BERNAMA, baru-baru ini.

Beliau menambah, semua pihak harus memainkan peranan penting dalam memastikan kelestarian lautan terus terjamin.

"Ruang perbincangan wajar dibuka dengan lebih menyeluruh dan bersifat inklusif yang bukan hanya membabitkan saintis atau ahli akademik, bahkan masyarakat awam juga perlu dilibatkan untuk melihat risiko dan kesan aktiviti ini khususnya kepada negara serantau.

"Lautan tidak harus dilihat sebagai laman belakang yang menjadi tempat aliran sisa kita semesta-mata, tetapi lautan adalah masa depan kita semua," katanya.

Air terawat untuk domestik

Dalam pada itu, beliau berkata meskipun teknologi nuklear ini bukanlah 100 peratus mendatangkan kesan buruk, sebagai contoh aplikasi isotop stabil jika digunakan dengan betul mampu memberi manfaat kepada masyarakat dan hidupan marin.

"Tetapi dalam isu membabitkan air terawat daripada loji nuk-

lear Fukushima ini, jika benar ia selamat, kerajaan Jepun boleh menebus guna air terawat ini bagi tujuan penggunaan domestik, perindustrian dan sebagainya.

"Langkah ini sangat perlu bagi mengubah persepsi masyarakat dunia dengan membuktikan tiada kesan langsung kepada kesihatan manusia dan rantaian makanan di dalam laut," katanya.

Meskipun menerima pelbagai tekanan pada awal bulan ini, Jepun tetap meneruskan rancangannya untuk menyalurkan air sisa radioaktif terawat ke laut melalui terowong saliran Loji Kuasa-Nuklear Fukushima Daiichi, iaitu stesen janakuasa tenaga nuklear yang terjejas akibat gempa bumi Tohoku dan tsunami yang menyusul dalam kejadian pada 11 Mac 2011.

Jepun melancarkan rancangan pelepasan air pada April 2021, mencetuskan kritikan besar-besaran daripada China, Korea Selatan, Korea Utara, Taiwan dan badan antarabangsa, termasuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).
BERNAMA



Pelepasan air sisa dari loji nuklear Fukushima, Jepun dikhuatiri mencemari rantaian makanan hidupan laut. (Foto BERNAMA)



Faiz (tengah) menyampaikan bantuan kepada nelayan di Bachok, semalam. (Foto Nor Amalina Alias/BH)

Sasar 10 peratus nelayan ceburi perniagaan hiliran

Bachok: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menyasarkan sekurang-kurangnya 10 peratus nelayan menyertai perniagaan hiliran.

Pengerusinya, Muhammad Faiz Fadzil, berkata pembabitannya itu bagi memastikan nelayan keluar daripada kepompong kemiskinan dengan menjana lebih pendapatan.

Katanya, perniagaan hiliran yang boleh diusahakan seperti pembuatan keropok, makanan berasaskan ikan dan ekopelancangan perikanan.

"Selain jual segar hasil tangkapan, nelayan perlu kreatif menjana pendapatan. Kita tak mahu mereka terikat dengan kaedah konvensional iaitu pergi ke laut, tangkap ikan dan jual ikan.

"Jika hasil tangkapan diubah kepada keropok atau ikan kering, saya jangka dalam tempoh setahun, jumlah nelayan yang menjadi peniaga akan meningkat," katanya di sini, semalam.

Hadir sama Pengarah LKIM Kelantan, Khuzaimah Husain, Pengerusi Persatuan Nelayan Kelantan, Mohd Saripudin Ishak dan Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kota Bharu, Asri Mat Yatim.

Muhammad Faiz berkata, se-

takat ini masih terlalu sedikit nelayan yang menjadi peniaga daripada 84,000 nelayan berdaftar dengan LKIM.

Katanya, LKIM memberi galakan nelayan untuk berniaga dengan memberi bantuan dana, kursus dan keperluan lain kepada nelayan, isteri dan anak-anak mereka menerusi Kumpulan Wanita Nelayan, Kumpulan Belia Nelayan dan PNK.

"Kita menggalakkan mereka dalam sekurang-kurangnya ada satu aktiviti ekonomi. Contoh PNK Bachok ada perusahaan ikan keli. Lebih 100 PNK ada pasar basah. LKIM juga ada Bahagian Industri Asas Tani sebagai mudah cara mereka nak berniaga," katanya.

Dalam perkembangan lain, Muhammad Faiz turut memaklumkan bekalan ikan dalam negara mencukupi dengan kuota 90 tan ikan sejuk beku, ketika ini.

"Kita mendediakan ikan yang menjadi permintaan utama rakyat seperti kembung, selang dan cencaru menggunakan teknologi pembekuan," katanya.

Beliau berkata, LKIM juga sedang membuat perbincangan dengan penggiat industri bagi membekalkan ikan daripada Sabah ke Semenanjung.

Pekebun resah tanaman sawit dimusnah gajah

Mersing: Pekebun di Kampung Lubok Sawah, di sini, berdepan risiko kehilangan mata pencarian apabila tanaman kelapa sawit mereka musnah akibat serangan gajah.

Seorang pekebun Abd Zaini Abd Aziz, 55, mendakwa dia berdepan dengan isu itu sejak 19 tahun lalu, dan kebelakangan ini, jumlah haiwan liar berkenaan dilihat semakin meningkat di ladangnya yang seluas lebih satu hektar itu.

"Minggu lalu, lebih 20 ekor gajah menyerang tanaman sawit berbanding dua hingga tiga ekor

sahaja sebelum ini, malah semakin berani muncul pada waktu siang termasuk di kawasan kediaman penduduk sekitar.

"Kebiasaannya, apabila ada ladang baharu dibuka, gajah akan berkeliaran ke kawasan kampung untuk mencari sumber makanan, dan sawit yang sedang membesar memang menjadi kegemaran haiwan ini," katanya ketika ditemui pemberita baru-baru ini.

Abd Zaini berkata, selepas tidak dapat memperoleh hasil seperti yang diharapkan, dia terpaksa mencari sumber pendapatan alternatif dengan bertukang bagi

menyara hidupnya sekeluarga.

Katanya, dia bersama penduduk kampung turut mengambil inisiatif membuat rondaan dan membakar mercun serta menyala-kan unggun api bagi menakutkan haiwan itu, namun adakalanya usaha yang dilakukan itu hanya sia-sia.

Abd Zaini berharap pihak berkaitan dapat mengambil tindakan sewajarnya kerana pekebun bukan sahaja kerugian, malah turut berdepan risiko keselamatan selain gajah liar tidak takut dengan kehadiran manusia.

Seorang lagi pekebun, Aminah

Dollah, 56, yang tinggal di kawasan dikelilingi tanaman sawit berkata, kediamannya semakin kerap dikunjungi gajah tanpa mengira waktu siang atau malam, malah kira-kira 30 pokok sawitnya dimusnahkan, baru-baru ini.

"Ketinggian gajah ini ada yang melebihi paras bumbung rumah. Haiwan ini disyaki datang dari hutan berhampiran yang diteroka sehingga menyebabkan beberapa kampung termasuk Kampung Pengkalan Batu dan Kampung Baru Jemari diserang," katanya.

Pada 18 April lalu, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam

Sekitar, Warisan dan Budaya negeri, K Raven Kumar dilapor berkata kerajaan negeri sedang merancang kaedah penyelesaian secara lestari dan menyeluruh membabitkan kerjasama dengan Persekutuan bagi menangani isu konflik gajah.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tenggaroh itu berkata satu Jawatankuasa Tindakan Konservasi Gajah akan ditubuhkan, bagi menyelaras dan melaksanakan tindakan mitigasi pengurusan konflik haiwan liar itu pada peringkat daerah dan negeri.

BERNAMA